Perkhidmatan Penyiasatan Penyakit Ternakan

Jadual 18(b). Sambungan daripada jadual 16(a).

Spesis	Penam-pang	Peta-gas	Pitas	Putan	Ranau	Sandan	Sem-porna	Shah Alam	Sipitang	Sook	Tajau	Tambunan	Tam-paruli	Ta-wau	Teli-pok	Te-lupid	Tenghilan	Tenom	Tongod	Tuaran	W.P. Labuan	Jumlah
Anjing	2		1		2	20	2					1		21					5	6		195
Arnab	3																					3
Ayam	15		4	2	2	6	1					1	1	74	3	2			2	32	2	433
Bebiri					8								2	2						1		13
Burung liar	1	3											2	7				1		4		35
Haiwan zoo						1															2	20
Itik	6			4	2	3								16				1	1	10	1	113
Kambing	215		2	5	43	111	3		2	3		21		141	2	1	1	4	3	16	35	1064
Kerbau												3		6		9						41
Khinzir	1					37						5		6								65
Kucing			1	1								1							7			26
Kuda						1																5
Lain-lain								1														47
Lembu	2				10	4	5			2	5	8		80		4		18		6	1	392
Rusa													18	1								21
Unggas	4	1																		7	1	17
Jumlah	249	4	8	12	67	183	11	1	2	5	5	40	23	354	5	16	1	24	18	82	42	2490

Haiwan zoo – burung, gajah, O. utan & badak

Unggas – angsa, burung unta, turki, burung puyuh & burung kesayangan





Jadual 19. Bilangan Sampel Diterima Berdasar Spesies Ternakan dan Jenis Sampel.

Spesis	Air	Air kencing	Calitan darah	Calitan (swab)	Daging	Darah	Haiwan hidup	Karkas	Kikisan kulit	Lain-lain	Makanan ternakan	Organ	Serum	Telur	Tinja	Jumlah
Anjing			1	29		76	1	5	5	70		15	19		3	224
Arnab								4								4
Ayam				4289	1	10	3486	52		29	105	82	3497	425		11976
Bebiri								1				54	34			93
Burung liar				38				1				2	2	10	75	128
Haiwan zoo	7	4		60		2				39	2	18	1		12	145
Itik				1031				6		4		24	766	12		1843
Kambing		4		12		997	1	23		15	6	3638	20091		3663	28450
Kerbau						59						79	627		29	794
Khinzir						122		1		2			945			1070
Kucing				4		4		2			1		15		4	30
Kuda						13							12			25
Lain-lain	8						8			47	13				2	78
Lembu				276		1330				38		1045	6118		96	8903
Rusa								16		7		13			5	41
Unggas				175				1			1	4	70	20	17	288
Jumlah	15	8	1	5914	1	2613	3496	112	5	248	128	4978	32197	467	3906	54092

Haiwan zoo – burung, gajah, O. utan & badak

Unggas – angsa, burung unta, turki, burung puyuh & burung kesayangan






Jadual 20. Bilangan Kes dan Sampel diterima Mengikut Sepsis bagi Kes Diagnostik.

Spesis	Bil Kes	Air	Air kencing	Calitan (swab)	Calitan darah	Darah	Haiwan hidup	Karkas	Kikisan kulit	Lain-lain	Makanan ternakan	Organ	Serum	Telur	Tinja	Jumlah
Anjing	111			29	1	74		5	4	2		15	1		2	133
Arnab	3							4								4
Ayam	50			40		10	65	32		11		76	51			285
Bebiri	11							1				58				59
Burung liar	2			1				1				2	1			5
Haiwan zoo	4									1		18				19
Itik	13			24				6				24	13	2		69
Kambing	738		3	12		14	1	23		15	6	3637	18		57	3786
Kerbau	8											38				38
Khinzir	2					10		1		2			11			24
Kucing	15			4		4		2			1				4	15
Kuda	1					1										1
Lain-lain	3	2					5									7
Lembu	215			4		27				1		1045	133			1210
Rusa	20							16		7		13				36
Unggas	2							1				4				5
Jumlah	1198	2	3	114	1	140	71	92	4	39	7	4930	228	2	63	5696

Jadual 21. Bilangan Kes dan Sampel diterima Mengikut Sepsis bagi Kes Gerompok.

Spesis	Bil Kes	Calitan (swab)	Darah	Organ	Serum	Tinja	Jumlah
Bebiri	2				34		34
Kambing	262		969	1	18384	838	20192
Kerbau	6		10		180		190
Lembu	150	102	1142		5951	14	7209
Jumlah	420	102	2121	1	24549	852	27625



Jadual 22. Bilangan Sampel diterima Mengikut Spesis bagi Kes Kawalselia

Spesis	Bil Kes	Air	Air kencing	Calitan (swab)	Daging	Darah	Haiwan hidup	Karkas	Kikisan kulit	Lain-lain	Makanan ternakan	Serum	Susu mentah	Telur	Tinja	Jumlah
Anjing	16					2			1	1		18			1	23
Ayam	234			1554	1		3421	20		18	105	1638		425		7182
Burung liar	30			13										10	75	98
Haiwan zoo	14	7	4	36		2				38	2	1			12	102
Itik	7			40						4		40		10		94
Kambing	64		1			14						1689			2768	4472
Kerbau	5					2						63			29	94
Khinzir	6											65				65
Kucing	11											15				15
Kuda	4					12						12				24
Lain-lain	44	6					3			47	13				2	71
Lembu	13			170		161				6		34	3		82	456
Rusa	1														5	5
Unggas	13			115							1	10		20	17	163
Jumlah	462	13	5	1928	1	193	3424	20	1	114	121	3585	3	465	2991	12864

Jadual 23. Bilangan Sampel diterima Mengikut Sepsis bagi Kes Projek Kajian.


Spesis	Bil Kes	Haiwan hidup	Organ	Darah	Serum	Calitan (swab)	Lain-lain	Jumlah
Anjing	68	1					67	68
Ayam	149		6		1808	2695		4509
Burung liar	3				1	24		25
Haiwan zoo	2					24		24
Itik	93				713	967		1680
Kerbau	22		41	47	384			472
Khinzir	57			112	869			981
Lembu	14						28	28
Unggas	2				60	60		120
Jumlah	410	1	47	159	3835	3770	95	7907

Status Penyakit

Melioidosis (C613)

Sepanjang tahun 2010, kesemuanya 53 kes *melioidosis* dikesan yang melibatkan kambing (52 kes) dan rusa (1 kes). Sila rujuk jadual 1.


Melioidosis disebabkan oleh bakteria *Burkholderia pseudomallei*. Tanda-tanda penyakit tidak spesifik pada ternakan hidup. Lesi bedahsiasat ialah abses pada paru-paru, ginggal, buah zakar dan lain lain. Rawatan kurang berkesan kerana abses yang pekat menghalang penyerapan antibiotik.



Pasteurellosis (C617)

Sebanyak 3 kes *pasteurellosis* dikesan, melibatkan ternakan kambing (2) dan khinzir (1). Sila rujuk jadual 2.



Pasteurellosis disebabkan oleh *Pasteurella haemolytica* dan *Pasteurella multocida*. Bakteria ini ialah normal *microflora* yang bersikap *opportunistic* apabila ternakan berada dalam keadaan *stress*. Tanda penyakit ini ialah kesukaran bernafas, hingus, batuk dll.



Bovine Anaplasmosis - B101

Satu kes *Bovine anaplasmosis* dikesan sepanjang tahun 2010 melibatkan seekor lembu dari Papar. Sila rujuk jadual 3.



Bovine anaplasmosis disebabkan oleh *Anaplasma spp.* Penyakit ini berjangkit melalui kutu yang bertindak sebagai vektor. Tanda-tanda penyakit ialah pucat, jaundis, kurus dan kurang selera makan. Penyakit ini boleh dikawal secara tidak langsung melalui kawalan kutu yang dibuat secara berkala.



Bovine Babesiosis (102)

Lapan kes *Babesiosis* dikesan pada anjing di Kota Kinabalu. (Sila rujuk jadual 4.)


Penyakit ini adalah disebabkan oleh protozoa dari genus babesia. Jangkitan berlaku melalui vektor iaitu kutu. Tanda-tanda penyakit ialah *pyrexia*, lemah, tiada selera makan dan air kencing berdarah. Penyakit ini boleh dikawal secara tidak langsung dengan menghapuskan kutu.



Coccidiosis (C620)

Empat belas kes *Coccidiosis* dikesan sepanjang tahun ini pada ternakan kambing. Sila rujuk jadual 5.


Coccidiosis biasanya menghasilkan masalah pada haiwan yang berumur di bawah 6 bulan terutama pada ternakan yang dipelihara di tempat yang kurang bersih dan bersesak-sesak atau yang menerima pertukaran makanan yang mendadak. Tanda-tanda awal penyakit ini adalah hilang selera makan, demam dan cirit-birit. Haiwan seterusnya menjadi lemah dan pucat akibat najis cair bercampur darah.



Salmonellosis (C619)

Sebanyak 1 kes Jangkitan *Salmonella* dikesan sepanjang tahun ini melibatkan ternakan bebiri. Sila rujuk jadual 6.


Tanda-tanda penyakit ialah cirit birit, tiada selera makan dan menunjukkan tanda-tanda *septicemia*.



Infectious Bursal Diseases (B309)

Satu kes *Infectious Bursal Diseases* (IBD) dilaporkan sepanjang tahun ini melibatkan ternakan ayam, di Telipok.


Infectious Bursal Diseases (IBD) menyerang ayam pada umur dua minggu hingga empat belas minggu. Virus ini disebarkan melalui najis, makanan, minuman, peralatan dan reban yang tercemar. Tanda-tanda penyakit ialah tiada selera makan, lemah, pembesaran terbantut, muram, dehidrasi, cirit-birit dan *incoordination*. Pencegahan ialah melalui pelalian.



Haemonchosis

Sebanyak 40 kes haemonchosis dikesan pada ternakan kambing (36 kes) bebiri (3 kes) dan rusa (1 kes). Sila rujuk jadual 8.



Haemonchus contortus adalah penyakit yang biasa ditemui dalam iklim tropika. Menyebabkan ternakan kurus dan pucat. Jika tidak dikawal akan menyebabkan kematian dan kerugian kepada penternak. Tanda jangkitan pada ternakan ialah kurus, pucat dan bengkak dibawa dagu.




Malaria

Sebanyak 1 kes dikesan pada ternakan ayam yang dihantar dari Brunei.

Plasmodium menyebabkan penyakit kepada spesis unggas dan nyamuk merupakan vektor kepada plasmodiosis. Unggas yang dijangkiti lemah dan 'droopy'. Bedah siasat menunjukkan pembesaran hati dan spleen. Diagnosis dijalankan melalui calitan darah di mana terdapat banyak gamonts dan meronts.




Penyembelihan



Jadual 24. Penyembelihan ternakan yang didaftarkan pada tahun laporan

Daerah	Kerbau	Lembu Tempatan	Khinzir
Keningau	0	414	3,880
Kota Belud	24	381	0
Kota Kinabalu	0	0	1,728
Kota Marudu	0	55	1,049
Kuala Penyu	1	0	636
Kudat	0	9	2,044
Lahad Datu	13	589	2,794
PPB, Kiansom	0	0	65,219
Ranau	3	16	1,083
Sandakan	0	0	20,355
SMTC, Kinarut	25	185	0
Tambunan	0	0	536
Tawau	0	29	13,232
Tenom	34	49	1,051
Tuaran	0	0	1,696
JUMLAH	100	1,727	115,303

Projek Sosioekonomi



1. PENDAHULUAN

Pengagihan ternakan kepada para penternak adalah usaha Jabatan melalui Projek Pembangunan Sosioekonomi (SOSEK) bagi membantu penduduk luar bandar meningkatkan pendapatan mereka. Disamping itu projek ini juga telah memberi manfaat kepada penternak ruminan yang sedia ada dalam meningkatkan pengetahuan mereka mengenai pengurusan ternakan secara moden. Bermula pada tahun 2005 sehingga kini, Jabatan telah memberikan penekanan terhadap Program Transformasi di mana melalui pendekatan ini penternak sosioekonomi sedia ada yang memperlihatkan prestasi pengurusan ladang yang baik akan dinaiktaraf/transformatasi dengan meminjamkan mereka induk ternakan menjadikan mereka sebagai penternak yang memiliki 100 ekor induk. Sehingga tahun 2010 ini, Jabatan masih mengekalkan empat (4) buah Projek SOSEK yang dilaksanakan oleh Jabatan iaitu;

- Projek Pekebun Kecil Lembu pedaging (PKPL)
- Skim Pawah Menternak Kerbau (SPMK)
- Skim Pawah Kambing (SPK)
- Projek Integrasi Ternakan (PINTAR)

2. PRESTASI DAN PENCAPAIAN SECARA KESELURUHAN PROJEK SOSIOEKONOMI

2.1 Bilangan Penternak


Bilangan penternak yang aktif bagi tahun 2010 adalah seperti pada Jadual 25. Kuota pengambilan penternak setiap projek (8 orang bagi Projek PKLP, 1 orang SPMK, 46 orang bagi SPK dan 7 orang bagi Projek PINTAR) juga tidak terpenuhi disebabkan sebahagian penternak yang telah diluluskan menarik diri atas alasan peribadi.

2.2 Bilangan Ternakan

Terdapat penurunan yang ketara bagi bilangan keseluruhan ternakan yang dimiliki oleh penternak Projek Skim Pawah Kambing dan juga Projek PINTAR. Keadaan ini adalah disebabkan oleh sebahagian penternak tersebut telah dinaikkan taraf ke Program Transformasi. Penternak yang telah dimasukkan ke dalam Program Transformasi akan dilaporkan secara berasingan.

2.3 Kelahiran

Jumlah kelahiran anak keseluruhan Projek Sosek pada tahun 2010 adalah 6,341ekor dan terdapat sedikit peningkatan berbanding sebanyak 7,578 ekor pada tahun 2009 (Jadual 25). Berdasarkan bilangan induk yang ada, kadar kelahiran yang dicatatkan bagi setiap projek adalah Projek Pekebun Kecil Lembu Pedaging 15.49%, Projek PINTAR 10.36%, Skim Pawah Menternak Kerbau 7.28% dan Skim Pawah Kambing 15.94%.



2.4 Kematian

Berdasarkan peratus kematian, kematian secara keseluruhan yang dicatatkan pada tahun 2010 ini adalah seperti berikut; SPK 5.71%, SPMK 1.91%, PINTAR 2.95% dan PKLP 3.32%

3. PRESTASI PROJEK SOSIOEKONOMI BAGI SETIAP PROJEK

3.1 Projek Pekebun Kecil Lembu Pedaging (PKLP)

Seramai 8 orang peserta/ penternak telah diluluskan untuk menyertai projek Pekebun Kecil Lembu Pedaging, dengan agihan ternakan sebanyak 121 ekor. Pembayaran balik ternakan adalah sebanyak 12 ekor dan secara tunai untuk 10 ekor ternakan yang berjumlah RM7,515.00.

3.2 Skim Pawah Menternak Kerbau (SPMK)

Hanya 1 orang penternak sahaja telah diluluskan untuk menyertai Skim Pawah Menternak Kerbau. Sebanyak 9 ekor kerbau telah diagihkan. Pembayaran balik ternakan adalah sebanyak 2 ekor dan secara tunai untuk 22 ekor ternakan yang berjumlah RM19,268.00.

3.3 Skim Pawah Kambing (SPK)


Seramai 46 orang penternak telah diluluskan untuk menyertai Skim Pawah Kambing. Sebanyak 1,197 ekor kambing telah diagihkan kepada penternak. Sebanyak 374 ekor kambing telah dikutip sebagai pembayaran balik dari penternak dan secara tunai untuk 90 ekor ternakan yang berjumlah 13,039.00.

3.4 Projek Integrasi Ternakan (PINTAR)

Seramai 7 orang penternak diluluskan dan sebanyak 210 ekor lembu pedaging telah diagihkan. Pembayaran balik lembu dari penternak adalah sejumlah 19 ekor dan secara tunai untuk 7 ekor ternakan yang berjumlah 9,370.00.

3.5 Program Transformasi


Secara terperinci, pada tahun 2010 seramai 32 orang penternak kambing, 7 penternak lembu pedaging dan 1 penternak kerbau telah disenaraikan untuk ditransformasi dengan pengagihan ternakan masing-masing sebanyak 2,140 ekor kambing, 592 ekor lembu pedaging dan 60 ekor kerbau. Jadual 25 menunjukkan prestasi program transformasi penternak kambing, lembu pedaging dan kerbau bagi tahun 2010.



Jadual 25. Ringkasan Data Projek Sosioekonomi & Transformasi

Perihal		Projek Sosioekonomi				Projek Transformasi			Projek TRUST	
		SPK	SPMK	PKLP	PINTAR	Kambing	Lembu	Kerbau	Kambing	Lembu
Bilangan Penternak	Asal	149	113	82	43	298	126	10	6	21
	Aktif	119	75	63	42	268	114	9	6	21
	Baru	46	1	8	7	19	7	1	12	-
	Naik Taraf	1	-	-	-	1	-	-	-	-
	Jumlah	315	189	153	92	586	247	20	24	42
Bilangan Ternakan	Dewasa J	333	50	69	78	1784	502	22	29	24
	Dewasa B	4,011	346	414	1,130	17,545	6,125	398	900	339
	Anak J	793	65	86	183	4,379	985	45	94	52
	Anak B	874	116	154	201	4,897	2,204	62	92	68
	Jumlah	6,011	577	723	1,592	28,605	9,816	527	1,115	483
Agihan	J	63	-	21	-	107	12	-	18	-
	B	1134	9	100	210	2,033	580	60	500	-
	Jumlah	1,197	9	121	210	2,140	592	60	518	-
Kelahiran	J	464	12	56	68	1,741	275	14	8	9
	B	494	30	56	97	2,552	421	19	11	14
	Jumlah	958	42	112	165	4,293	696	33	19	23
	Peratus Kelahiran	15.94%	7.28%	15.49%	10.36%	15.01%	7.09%	6.26%	1.70%	4.76%
Kematian	Dewasa (J+B)	226	7	12	23	859	157	2	5	4
	Anak (J+B)	117	4	12	24	768	93	2	1	1
	Jumlah	343	11	24	47	1627	250	4	6	5
	Peratus Kematian	5.71%	1.91%	3.32%	2.95%	5.69%	2.55%	0.76%	0.54%	1.04%
Bayar Balik	Anak J	374	2	12	19	1,057	272	-	-	28
	Anak B	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	Tunai (J+B)	90	22	10	7	533	4	-	-	-
	Harga (RM)	13,039	19,268	7,515	9,370	94,901.90	5,092	-	-	-
Penjualan	J + B	508	35	50	121	2,225	74	-	-	-
	Harga (RM)	250,400	61,450	260,536	220,950	1,109.18	137,900	-	-	-
Baki Hutang	J + B	2,870	277	376	841	12,331	4,507	332	458	351

Industri Ternak



1. PENDAHULUAN

Projek Lembu Tenusu telah diperkenalkan oleh JPHPT sejak tahun 1982, beberapa strategi telah dirancang dengan rapi dan teratur untuk mencapai objektif-objektifnya. Sistem projek ini yang dirangka secara PAKEJ telah merangsang perkembangan projek ini mengikut perancangan. Walaubagaimanapun pada tahun 2010 tidak ada penternak baru yang diambil disebabkan tidak ada pengimpotan baka tenusu baru daripada Luar Negara. Oleh yang demikian tidak terdapat tambahan penternak baru pada tahun ini. Jumlah penternak yang masih aktif mengusahakan penternakan lembu tenusu sehingga akhir tahun 2010 adalah seramai 105 orang penternak yang memelihara sebanyak 9,004 ekor lembu tenusu (5,604 ekor induk) dan dengan pengeluaran susu segar sebanyak 8,098,981 liter. Produksi susu tahun 2010 telah meningkat sebanyak 24.15% jika dibandingkan dengan pengeluaran susu pada tahun 2009 iaitu sebanyak 6,142,298 Liter. Kadar pembiakan secara keseluruhan pada tahun 2010 adalah 65% sedikit lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahun 2009 iaitu 61.9%. Jumlah kelahiran anak pada tahun 2009 adalah sebanyak 3,395 ekor manakala pada tahun 2010 jumlah kelahiran adalah 3,643 ekor meningkat (7.3%). Jumlah kematian ternakan secara keseluruhan pada tahun 2010 adalah sebanyak 601 ekor (6.67%) lebih tinggi daripada tahun 2009 (iaitu 389 ekor atau 4.5 %).

2. PENGELUARAN SUSU SEGAR

Jadual 26. Pengeluaran Susu Segar Negeri Sabah Tahun 2009 dan 2010

Ladang	2009 (liter)	2010 (Liter)	Catatan
SPT Sebrang Keningau	73,766	111,044	Naik (50.5%)
SPT Tawau	-	-	-
Desa Cattle SDN BHD	820,000	800,000	Turun (2.4%)
Projek Lembu Tenusu	6,142,298.78	8,098,981	Naik (31.8%)
Jumlah (Liter)	7,036,064.78	9,010,025	Naik (28%)

Jadual 27. Prestasi Projek Lembu Tenusu Mengikut Daerah

MCC	Produksi Susu		Kelahiran		Kematian		Produksi Susu (%)
	2010	2009	2010	2009	2010	2009	
Keningau	4,108,459	2,713,640	2275	2048	212	151	+33.9
Tenom	965,056	1,032,109	336	310	93	37	-6.9
Kudat	548,850	464,556	210	167	59	18	+15.3
Tawau	566,335	493,098	113	212	22	22	+12.9
Kota Marudu	611,599	494,039	165	169	20	12	+19.2
Tuaran	240,439	183,650	93	98	16	23	+23.6
Beaufort	249,698	169,141	95	63	16	18	+32.2
Kota Belud	92,812	63,563	78	56	78	17	+31.5
Bongwn	159,083	118,353	31	29	7	6	+25.6
Membakut	161,039	148,133	40	46	16	19	+8.0
Ranau	57,598	37,364	15	37	3	13	+35.1
Penampang	18,490	38,127	59	49	28	21	-106.2
Menumbok	40,572	25,761	16	22	2	11	+36.5
Papar	278,951	160,764	117	89	29	21	+42.3
Jumlah	8,098,981	6,142,298	3,643	3,395	601	389	+24.15


3. PENCAPAIAN FIZIKAL

3.1 Pusat Pengumpulan Susu (PPS)

Pada tahun 2010, jumlah Pusat Pengumpulan Susu (PPS) di seluruh negeri Sabah masih 14 buah iaitu PPS Tenom, PPS Keningau, PPS Tawau, PPS Kudat, PPS Kota Marudu, PPS Kota Belud, PPS Ranau, PPS Tuaran, PPS Penampang, PPS Papar, PPS Bongawan, PPS Membakut, PPS Beaufort dan PPS Menumbok. Sebanyak 11 buah PPS telah dan sedang dinaik taraf iaitu PPS Tenom, PPS Bongawan, PPS Penampang, PPS Membakut, PPS Beaufort, PPS Kudat, PPS Kota Marudu, PPS Kota Belud, PPS Papar, PPS Ranau dan PPS Keningau.

Projek ini juga telah menambah bilangan Lori pengangkut susu sebanyak 1 buah dengan kapasiti 12,000 liter dan ditempatkan di PPS Keningau. (1 buah) dan PPS Kota Marudu (1 buah) dan PPS Kota Belud (1 buah). Selain 8 buah lori pengangkut susu segar dari PPS ke kilang SaDAr Sdn Bhd. yang sedia ada sebanyak 2 buah lori baru dengan kapasiti 10,000 liter, dengan yang demikian, kemampuan projek ini dalam mengendalikan penampungan dan penghantaran susu telah meningkat.

Program QAP yang sedang giat dilaksanakan untuk memenuhi keperluan Program Susu Satu Malaysia (PS1M) telah menyebabkan program lain seperti program pengembangan kurang mendapat perhatian sepenuhnya. Selain daripada itu penerimaan susu di PPS telah mengalami peningkatan. Jadual 28 memperlihatkan jumlah susu yang diterima oleh masing-masing PPS setiap hari serta jumlah penghantaran susu segar ke kilang SADAR setiap bulan oleh lori pengangkut susu kepunyaan jabatan




Jadual 28. Jumlah Susu Harian yang dikendalikan di PPS Seluruh Sabah Tahun 2010

PPS	Kapasiti Tampung (liter)	Susu dikendalikan Setiap hari(liter)	Jumlah Kakitangan	Jumlah penghantaran/minggu	Produksi Susu (liter)
Keningau	17,000	15,000	4	4 kali	4,108,459
Tenom	27,000	3,000	3	4 kali	965,056
Kudat	1,600	1,700	3	2 kali	548,850
Tawau	2,600	1,600	2	3 kali	566,335
K. Marudu	7,600	1,800	2	3 kali	611,599
Tuaran	6,400	600	3	3 kali	240,439
Bongawan	3,200	250	2	3 kali	249,698
K. Belud	3,200	300	2	3 kali	92,812
Beaufort	9,200	500	3	3 kali	159,083
Membakut	3,200	290	1	3kali	161,039
Ranau	3,200	300	2	3 kali	57,598
Penampang	7,600	120	2	3 kali	18,490
Menumbok	10,000	150	2	3 kali	40,572
Papar	11,000	700	2	3 kali	278,951

3.2. BILANGAN PENTERNAK

Pada tahun 2010 seramai 4 orang penternak telah berhenti berusaha dalam projek ini manakala penternak baru yang telah memulakan usaha penternakan lembu tenusu adalah seramai 3 kelompok yang terdiri daripada 18 orang menjadikan jumlah penternak yang masih aktif setakat Disember 2010 seramai 125 orang.




Jadual 29. Bilangan Penternak Lembu tenusu Sabah Tahun 2010.

Bil	Daerah	Penternak aktif	Penternak baru(2009)
1.	Tenom	15	-
2.	Keningau	25	-
3.	Penampang	2	-
4.	Papar	5	-
5.	Bongawan	3	-
6.	Membakut	4	-
7.	Beaufort	4	-
8.	Menumbok	3	-
9.	Tuaran	11	-
10.	Kota Belud	2	(3 Kelompok x 18 orang)
11.	Kota Marudu	11	-
12.	Kudat	6	-
13.	Ranau	5	-
14.	Tawau	11	-
JUMLAH		107 orang	18

Penternak berhenti daripada menternak lembu tenusu adalah disebabkan oleh masalah pekerja dan kos pengeluaran yang semakin tinggi dan kurang rumput sementara 1 peserta projek baru terpaksa diberhentikan oleh sebab pengurusan yang bermasalah.

3.3. KURSUS, LATIHAN DAN LAWATAN

Terdapat 25 orang telah menyertai dengan jayanya Kursus Asas Lembu Tenusu yang dilaksanakan pada tahun 2010. Lawatan sambil belajar yang dapat dilaksanakan oleh Bahagian ini pada tahun 2010 adalah ke negara Filipina di mana lawatan ke beberapa buah ladang ternakan termasuk sebuah ladang kerbau tenusu yang melaksanakan pemprosesan hiliran susu kerbau telah diadakan.




3.4. POPULASI TERNAKAN DAN KELUASAN PASTURA

Setakat bulan Disember 2010, jumlah populasi lembu tenusu di Sabah yang ditenak oleh Peserta Projek Lembu Tenuku adalah hanya sebanyak 7,127 ekor dengan komposisi seperti yang terdapat pada Jadual 30. Demikian juga dengan jenis pastura yang diusahakan sebagai foder terdiri dari 95% rumput Napier Taiwan. Rumput Taiwanese Napier (*Pennisetum Purpureum*) varieti yang baru yang dikenali dengan Napier generasi ke 3 juga telah mula ditanam di Sabah dan ianya berkembang dengan sangat baik. Kelebihan rumput Napier generasi ke 3 adalah daripada segi “yield” yang lebih tinggi. Kajian dan penyelidikan perlu dilaksanakan lebih lanjut berkenaan dengan kebaikan rumput Napier generasi ke 3 ini dari segi pengeluaran hijauan, kecepatan regenerasi setelah pemotongan, respon terhadap pembajaan, daya cerna (digestibility) dan juga nilai gizinya. Hampir 90% penternak mengamalkan pemeliharaan secara intensif dalam fidlot dengan amalan pemeliharaan “cut and carry”.

Jadual 30. Populasi Ternakan dan Keluasan Pastura Tahun 2010.

Daerah	Luas Ladang	Jumlah Penternak	Produksi Susu	Jumlah Indung	Lahir	Mati	Jual	Jumlah Lembu
Keningau	554	25	4,108,459	3422	2275	212	678	4807
Tenom	112	15	965,056	375	336	93	302	316
Kudat	290	6	548,850	189	210	59	112	228
Kota Marudu	216	11	566,335	273	113	22	87	277
Tawau	120	11	611,599	308	165	20	103	350
Tuaran	165	11	240,439	189	93	16	56	210
Beaufort	65.5	4	249,698	142	95	16	42	179
Bongawan	19.5	3	92,812	67	78	78	21	46
Kota Belud	102	2	159,083	165	31	7	15	174
Ranau	87	5	161,039	42	40	16	5	61
Membakut	54	4	57,598	87	15	3	13	86
Menumbok	39	3	18,490	49	59	28	22	58
Penampang	210	2	40,572	112	16	2	46	80
Papar	107	5	278,951	184	117	29	17	255
Jumlah	2,141	107	8,098,981	5,604	3643	601	1,519	7,127




3.5. PENGELUARAN, PEMASARAN DAN KEROSAKAN SUSU TAHUN 2010

Terdapat peningkatan dalam pengeluaran dan pemasaran susu pada tahun ini namun jumlah kerosakan susu dianggap masih tinggi. Jumlah penjualan susu dari projek ini pada tahun 2010 adalah 8,098,981 liter, daripada jumlah tersebut hanya 7,892,441.28 liter (97.5%) sahaja yang dapat dipasarkan dalam keadaan baik, sementara sebanyak 206,539.72 liter (2.5%) mengalami kerosakan sama ada di PPS atau gagal ujian kualiti di SADAR. Susu ditolak oleh kilang adalah kerana gagal ujian alcohol atau pun mengandungi antibiotik. Sebanyak 5200 liter (0.06%) dijual dipasaran terbuka. Punca-punca kerosakan di peringkat PPS adalah disebabkan “*chiller*” yang gagal berfungsi dengan baik, dan putus bekalan elektrik. Jadual 31 memperlihatkan jumlah pengeluaran, dan kerosakan susu sepanjang tahun 2010.

Jadual 31. Pengeluaran dan kerosakan susu Tahun 2010.

Bil	Daerah	Produksi susu (liter)	Untuk anak lembu	Pejualan (liter)		Kerosakan susu /Penyebab (liter)			
				Pasar	SaDAR Sdn Bhd	letrik	Kemalangan	antibiotik	Jumlah
1	Keningau	4,108,459	-	-	-	-	-	-	100,617.10
2	Tenom	965,056	-	-	-	-	-	-	0
3	Kudat	548,850	-	-	-	-	-	-	28,875
4	Tawau	566,335	-	-	-	-	-	-	5,998
5	K. Marudu	611,599	-	-	-	-	-	-	20,209
6	Tuaran	240,439	-	-	-	-	-	-	1,265
7	Beaufort	249,698	-	-	-	-	-	-	16,790
8	Bongawan	92,812	-	-	-	-	-	-	15,927
9	K. Belud	159,083	-	-	-	-	-	-	1,491
10	Ranau	161,039	-	5,200	-	-	-	-	1,534.62
11	Membakut	57,598	-	-	-	-	-	-	4,429
12	Menumbok	18,490	-	-	-	-	-	-	4,021
13	Penampang	40,572	-	-	-	-	-	-	2,742
14	Papar	278,951	-	-	-	-	-	-	2,641
Total (liter)		8,098,981	-	5,200	7,892,441.28	-	-	-	206,539.72



3.6. PENJUALAN, KELAHIRAN dan KEMATIAN TERNAKAN (2010)

Jumlah keseluruhan kelahiran ternakan lembu tenusu pada tahun 2010 adalah 3,643 ekor. Jumlah tersebut menunjukkan kadar kelahiran anak pada tahun berkenaan masih pada tahap 65% sahaja. Kadar tersebut lebih tinggi daripada kadar kelahiran pada tahun 2009 iaitu 61.9%. Jumlah kes kematian ternakan pada tahun 2010 adalah sebanyak 601 ekor (6.67%) dimana ianya sedikit lebih tinggi jika dibandingkan pada tahun sebelumnya (2009 - jumlah kematian 389 ekor atau 5.4%). Jumlah ternakan yang dijual adalah sebanyak 1,519 ekor dimana 1,458 adalah jualan untuk disembelih dan 61 ekor dijual sebagai baka ternakan. Jumlah penjualan, kelahiran dan kematian ternakan dapat dilihat pada Jadual 30. Jumlah kelahiran yang masih dianggap rendah ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti pemakanan yang kurang baik dan juga kekurangan pejantan unggul yang tersedia untuk digunakan.

3.7. PENGAGIHAN TERNAKAN dan PEMBAYARAN BALIK

Tidak ada pengagihan ternakan kepada penternak pada tahun 2010 disebabkan tidak ada pembelian baka lembu tenusu untuk diagihkan. Hal ini disebabkan JPHPT tidak mendapat peruntukan untuk membeli baka pada tahun berkenaan.

3.8. PEMBELIAN TERNAKAN, PERALATAN DAN KENDERAAN

Pada tahun 2010 tidak ada pembelian ternakan daripada luar Negara. Sebuah lori dengan kapasiti 12,000 liter telah dapat diperolehi untuk tambahan memandangkan terdapat masalah pengangkutan susu daripada daerah Tawau dimana lori yang sedia ada sering mengalami kerosakan. Pembelian kenderaan juga tidak ada.

3. PRESTASI PROJEK LEMBU TENUSU SABAH TAHUN 2010

Prestasi keseluruhan Projek Lembu Tenusu dapat dilihat pada Jadual 27 dan Jadual 29. Jumlah keseluruhan penternak yang masih aktif menghasilkan susu adalah 107 orang dengan jumlah pengeluaran susu segar dari projek ini pada tahun 2010 adalah sebanyak 8,098,981 liter. Jumlah tersebut meningkat sebanyak 24.1% berbanding pengeluaran pada tahun 2009 iaitu 6,142,298 liter. Dari segi jumlah kelahiran anak lembu juga telah meningkat sebanyak 7.3 %, iaitu daripada 3,395 ekor pada tahun 2009 kepada 3,643 ekor pada tahun 2010. Kadar kelahiran pada tahun 2010 meningkat, daripada 61.9% pada tahun 2009 kepada 65.0% pada tahun 2010. Jumlah kematian pula mengalami peningkatan sebanyak 54.5% dimana jumlah kematian pada tahun 2009 adalah 389 ekor sedangkan pada tahun 2010 jumlah kematian adalah 601 ekor. Secara keseluruhan prestasi Projek Lembu Tenusu pada tahun 2010 adalah lebih baik dari tahun 2009 jika dilihat daripada aspek produktiviti/ekor serta peratus kelahiran yang telah berjaya ditingkatkan.